

TIDAK TERLIBAT DALAM KONTROVERSI ANTARA SISWA-DATO HARUN

Pegawai UK Usai

PERSATUAN Kakitangan Akademik Universiti Kebangsaan Malaysia (PKAUKM) mahu supaya hutan simpan di bakal tapak Universiti Kebangsaan Malaysia di Bangi dikekalkan untuk keseimbangan hidroloji, pengawalan banjir dan hakisan serta tujuan-tujuan penyelidikan sains universiti tersebut.

PKAUKM menyatakan demikian dalam satu kenyataannya yang ditandatangani oleh Yang Dipertuannya, Dr. Mohd. Zawawi Ismail dan Setiausaha kehormatannya, Nik Abdul Rashid Ismail, yang dikeluarkan hari ini.

Kehendak rakyat
Bagaimanapun mereka menegaskan bahawa PKAUKM tidak terlibat dalam kontroversi antara Exco Perutusan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (PUMUKM) dengan Menteri Besar Selangor, Dato Harun Idris, dalam soal pembalakan di kawasan tersebut.

Kenyataan penuh PKUKM seperti berikut:

"Di akhir-akhir ini isu kampus Universiti Kebangsaan Malaysia di Bangi telah banyak dibincangkan dalam akhbar-akhbar.

"Persatuan Kakitangan Aka-

hutan Bangi dipelihara

K. LUMPUR, Isnin

demik Universiti Kebangsaan Malaysia ingin menyampaikan pendiriannya di atas ussu tersebut.

"Universiti Kebangsaan Malaysia telah ditubuhkan atas kehendak rakyat sebagai kemuncak sistem pelajaran kebangsaan.

"Dengan hasrat ini amat wajar sekali Universiti Kebangsaan Malaysia dijadikan sebagai salah sebuah Universiti yang teragung di rantau ini dari segi ketinggian mutu akademik dan kesempurnaan kompleks kampusnya sejajar dengan status nasionalnya serta aspirasi dan tuntutan rakyat ramai.

"Kerajaan Selangor telah bermurah hati menawarkan kawasan seluas lebih kurang 2,700 ekar di Bangi sebagai tapak kampus UKM.

"Ini merupakan satu pengorbanan yang besar kepada kerajaan negeri Selangor dan tawaran ini telah diterima oleh pihak UKM dengan penuh terima kasih bukan sahaja tapak Universiti itu merupakan satu tapak yang agak luas dan berhampiran dengan Wilayah Persekutuan tetapi juga kerana wujudnya kawasan hutan simpan seluas lebih kurang 2,900 ekar yang boleh dikekalkan untuk keseimbangan hidroloji, pengawalan banjir dan hakisan, kecantikan alam semula jadi dan tujuan-tujuan penyelidikan sains seperti kajian tumbuhan, ekoloji dan sebagainya.

"Pihak UKM telah mengemukakan kepada kerajaan negeri Selangor dalam bulan Mei 1972 supaya hutan simpan dikekalkan sesuai dengan rancangan UKM, dan cadangan itu telah disokong oleh Pengarah Perhutanan Negeri Selangor dalam bulan Jun tahun yang sama.

"Memandangkan kepentingan-kepentingan yang telah disebutkan di atas tentang betapa perluannya hutan simpan Bangi itu dikekalkan dalam bentuk asalnya, Perutusan Kakitangan Akademik Universiti Kebangsaan Malaysia amat-amat menyesal pembalakan yang dibenarkan dan digalakkan oleh Kerajaan Negeri Selangor itu adalah bertentangan sama sekali dengan rancangan yang terdapat dalam bulan Februari 1973.

KUALA LUMPUR, Isnin.

WANITA di sini, mengeluar kerana harga minyak kelapa naik dari \$1.70 sen kepada \$2.20 atau \$3.40 sebotol dalam masa seminggu.

Kenaikan yang berterusan seperti itu mengujakan beberapa wanita yang ditemui pagi tadi.

Raja Mariani binti Raja Mohhtar menyatakan tidak menyangka harga minyak kelapa naik begitu cepat dalam masa seminggu sahaja.

Hanya beberapa hari lalu katanya, harga minyak kelapa \$1.70 sebotol. Dua hari kemudian dinaikkan \$1.90 dan hari ini pula \$2.20 sen sebotol.

Beliau menafikan kenaikan secepat itu sebagai sangat tidak patut dan mengharapkan pihak kerajaan mengambil tindakan segera mengawal supaya jangan naik lagi masa depan.

Dihadkan

"Kami sedar bahan-bahan itu memang kurang di pasaran dunia, tetapi janganih kerana kekurangan itu, pedagang dan penjual mengambil kesempatan dengan menaikkan harganya dalam jangka waktu yang singkat sahaja," jelas Cik Mariani.

Beliau menyatakan, hitung panjang dalam sebulan, menggunakan 5 botol minyak kelapa iaitu kira-kira \$2.50 sen.

Kerana kenaikan harganya sekarang beliau terpaksa menabuh \$2 lagi untuk mendapatkan 5 botol yang diperlukannya oleh keluarganya.

Cik Kamariah Jaafar pula menghadkan 3 botol minyak kelapa sebulan. Beliau bukan sahaja mengurangkan minyak

WANITA REBUS LAUK LEPAS MINYAK KELAPA NAIK MENGEJUT

kelapa tetapi bahan-bahan lain juga, yang mahal harganya seperti tepung dan gula.

Suami Cik Kamariah tidak bekerja lagi sejak beberapa bulan lalu dan perbelanjaan keluarganya bergantung kepada tenaganya mencuci kain baju di rumah orang.

"Manalah cukup wang sedikit itu untuk membeli bahan-bahan makanan yang semakin tinggi harganya dari hari ke sehari," katanya dengan sedih.

Seorang wanita lain Cik Hasanah binti Sudin juga sedang berusaha mengurangkan kegunaan minyak kelapa.

"Suet masa ini kebanyakan lauk pauk saya tidak menggunakan minyak kelapa lagi, semuanya saya rebus sahaja, kecuali yang menggoring ikan," jelasnya.

Katanya kenaikan harga minyak kelapa itu tidak patut dan menjejaskan belanjanya bulanan keluarganya.

Seorang penjual goring

pisang Cik Amnah binti Karim, menyatakan besar kemungkinan akan berhenti sahaja berjualan kerana bahan-bahannya melambung tinggi seperti tepung beras, pisang dan sekarang minyak kelapa pula.

Masa ini, goring piangannya dijual dengan harga 10 sen sebotol.

Harga mee

Beliau tidak bercadang menaikkan harga goring piangannya itu.

Seorang penjual mee di Taman Ghazali Sharif, Enik Hashim Idris menyatakan, kenaikan harga minyak kelapa menjejaskan perniagaannya.

Beliau bahu saja menaikkan harga spring-ang mee dari 60 sen kepada 70 sen sejak tiga minggu lalu kerana kenaikan harga tepung dan mee.

Menurutnya minyak kelapa adalah bahan yang mustahak untuk memasak mee dan kenalkannya menyusahkan dan merugikan penjual-penjual.

Dua pembunuhan di Johor: Polis tawar hadiah

JOHOR BARU, Isnin. — Polis Johor hari ini menawarkan hadiah \$4,000 kepada orang ramai yang boleh memberi maklumat sehingga tertangkapnya orang-orang yang bertanggungjawab atas dua kejadian bunuh di sini malam kelmarin.

Ketua Pegawai Polis, Johor, Enik Mohd. Zamani Samah, dalam dua kenyataan berasingan menyatakan, tawaran hadiah itu berjalan kuatkuasanya hari ini selama enam bulan.

Ketanya, maklumat itu boleh disampaikan pada bila-bila masa dimanapun balai polis sama secara lisan atau melalui kepada Peti Surat 6060. Mereka, yang memberi maklumat akan dibalakan.

Ketua Polis itu mende-

gaskan, hadiah \$2,000 ditawarkan kepada mereka yang memberi maklumat hingga tertangkapnya orang-orang yang bertanggungjawab dengan pembunuhan sim Im Bol, 56 tahun, di sebuah rumah Jalan Setulang Baru di sini, malam kelmarin.

"Sini mati kena tembak oleh dua orang lelaki bersejatakan pistol yang masuk ke rumah tersebut pada jam 11 malam untuk merompaknya bersama 12 orang lagi yang sedang bermain judi.

Dalam kejadian itu, empat orang lagi termasuk seorang wanita mendapat cedera.

Hadiah \$2,000 lagi ditawarkan kepada mereka yang dapat memberi maklumat hingga tertangkapnya orang-orang yang bertanggungjawab dengan pembunuhan Ng Tiong Eng, 12 tahun di-

Mahsuri naik 20 sen di Kulim

KULIM, Isnin. — Para pengguna di sini mengeluh kerana harga beras Mahsuri naik 20 sen lagi menjadi \$3.00 segantang.

Setiausaha UMNO bahagian Kulim Utara, Enik Mustapha bin Kasim, memberitahu bekalan beras di sini menepuk telapi harganya terlalu mahal.

Beliau memberitahu ketika LPM mengadakan kawalan harga beras, sebarang beras jenis

Cawangan Bangi Jawab Bahagian Ulu Langat

KUALA LUMPUR, Isnin. — Umno Cawangan Bangi menyatakan halrtn mengapa Badan Pengerangan Umno Ulu Langat tidak membuat teguran semasa Umno cawangan tersebut, Rincing Hill, Batu Lima dan Kampung Bahagia menyokong permohonan permit pembalakan Syarikat Kerjasama Serbaguna Bangi Bhd.

"Padahal perkara pembalakan itu telah diketahui lebih awal lagi kepada UMNO Bahagian Ulu Langat," demikian antara pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan oleh UMNO Cawangan Bangi dalam satu kenyataannya hari ini.

Pertanyaan tersebut dikemukakan oleh UMNO cawangan Bangi sebagai mengulas kenyataan pengerusi Badan Pengerangan UMNO Bahagian Ulu Langat, Enik Ashar Alias, baru-baru ini.

Enik Ashar mengangap mesyuarat khas yang telah diadakan oleh empat-empat cawangan tersebut sebagai tidak sah mengikut perlembagaan parti.

Dalam kenyataannya hari ini yang ditandatangani oleh Ketua cawangan tersebut, Enik Zainal Harun, UMNO Cawangan Bangi juga mengemukakan beberapa pertanyaan lain;

Paling baru

Adakah Badan Pengerangan UMNO Ulu Langat menghantar perlembagaan yang paling baru kepada cawangan Bangi dan lain-lain cawangan di bahagian Ulu Langat?

Pernahkah Badan Pengerangan itu memberi sebarang kursus politik yang berkaitan dengan perlembagaan parti kepada ketua-ketua dan setiausaha cawangan dalam bahagian ini.

Menurut kenyataan itu, pada masa ini UMNO cawangan Bangi hanya memiliki sebuah perlembagaan parti yang di bahaskan dalam perisidangan ke-19 lalu.

Besar kemungkinan cawangan-cawangan lain dalam bahagian ini masih menggunakan perlembagaan parti untuk rujukan, tambahkan.

Kenyataan itu juga menegaskan, kelima-lima cawangan tersebut dari awal lagi telah menyatakan keesidannya untuk merundingkan sesuatu masalah dengan masalah kecekwaan Syarikat Kerjasama Serbaguna Bangi Bhd. dan mendapatkan permit pembalakan di Bangi itu.

"Ketua-ketua dan setiausaha cawangan tersebut juga telah bersama-sama menandatangani surat rayuan menyokong permohonan Syarikat Kerjasama Serbaguna Bangi Bhd. dan menghantarannya kepada Perdana Menteri, Tun Abdul Razak.

Permit balak

"Dalam usaha mendapatkan permit tersebut wakil-wakil dari lima buah cawangan tersebut telah pergi menemui orang yang berkenaan dengan mengadakan mesyuarat khas," jelas kenyataannya itu selanjutnya.

UMNO cawangan Bangi juga menjelaskan pada 1 Februari lalu cawangan-cawangan tersebut bersejua mengadakan mesyuarat khas sekali lagi, tetapi cawangan Kampung Bahagia telah tidak menghantar wakilnya.

Mesyuarat itu, telah membuat ketetapan sebulat suara menyokong penuh inisiatif PMUKM untuk berdialog dengan Dato Harun Idris berkaitan dengan permit pembalakan itu.

UMNO cawangan UMNO Bangi sekiranya Badan Pengerangan UMNO Ulu Langat tidak puas dengan penerangan yang diberi ke empat-empat cawangan tersebut-Batu Lima, Bangi, Rincing Hill dan Sungai Buah bersedia bila-bila masa memberi keterangan selanjutnya.

SAMI ARTIS HARI INI

HINDUSTAN
J. CAMPBELL 89424
1.00-3.15-6.45-9.15 min.

dimana kau

ibu

Fangung PEARL - Tampua